

Trauma dengar bunyi ombak

45 keluarga hidup ketakutan susulan kejadian air pasang besar sejak 3 hari lalu



A Rahman meninjau pesisir pantai di kawasan PPRT Pangkalan Atap yang telah ditimbun bongkahan batu untuk mengurangkan hakisan.



Longkang benteng pasir dan jalan raya di tepi penempatan itu pecah akibat dipukul ombak besar malam kelmarin.

MOHD TAHA YAACOB

KUALA BESUT – Sebanyak 45 keluarga penghuni di penempatan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pangkalan Atap di sini, tidur dalam ketakutan apabila kejadian air pasang besar kerap berlaku pada waktu malam sejak tiga hari lalu.

Seorang penduduk, Bunga Mamat, 80, berkata, dia tidak lena tidur sejak beberapa hari lalu kerana bimbang ombak besar menghempas rumahnya pada waktu malam.

Menurutnya, rumahnya yang terletak paling hampir dengan pesisir pantai membuatkan dia bimbang kejadian air pasang besar akan menyebabkan rumahnya dimasuki air; selain dinding rumah dihempas ombak besar.

“Kebimbangan kami sekeluarga semakin ketara sejak benteng pasir yang dibina tahun lalu sudah pecah dipukul ombak besar baru-baru ini,” katanya yang tinggal bersama anak perempuan, Fauziah Mail, 41 dan lima cucu di rumah berkenaan.

Bunga berkata, dalam kejadian jam 2 pagi kelmarin, kawasan penempatan itu dilanda ombak besar menyebabkan benteng dan jalan raya di situ pecah serta rosak teruk, namun penghuni terselamat serta tidak dipindahkan.

Menurutnya, bunyi deruman ombak yang kuat tidak jauh dari din-

ding rumahnya amat menakutkan dan kejadian seumpama itu adalah kali kedua dialaminya selepas kejadian sama berlaku pada tahun lepas.

Tambun bongkah batu

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna negeri merangkap Adun Kuala Besut, Dr A Rahman Mokhtar yang melawat kawasan penempatan itu telah me-

mintakan jabatan dan agensi terbabit segera mengambil tindakan dengan membantu memulihkan keadaan di kawasan itu.

Berikutan kejadian itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Besut telah menambun bongkah batu sebanyak 10 lori untuk dijadikan benteng pengadang ombak bagi mengelak hakisan pantai terus merebak di situ.

Kata beliau, pada masa sama agensi berkaitan sering melakukan pemantauan pada waktu malam untuk memastikan keselamatan penduduk.



A Rahman berbincang dengan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk menangani masalah di penempatan PPRT Pangkalan Atap.



Bunga dan anaknya tinggal dalam ketakutan kerana kejadian air pasang besar kerap berlaku pada waktu malam ketika penghuni sedang tidur.

“Agensi tersebut seperti pasukan polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan beberapa agensi lain yang berkaitan,” katanya.

A Rahman berkata lagi, masalah kebimbangan penghuni di situ dijangka dapat diselesaikan apabila kerajaan negeri telah meluluskan pembinaan rumah pangsa PPRT untuk mereka di lokasi baru tidak lama lagi.

“Projek perumahan berharga kira-kira RM10 juta di Kampung Lay Out Tok Saboh kini dalam proses penentuan perbelanjaan sebenar projek sebelum di buka tender tidak lama lagi dan kerja pembinaan dijangka akan bermula pada tahun depan.

“Projek pembinaan rumah pangsa sebanyak 72 unit itu akan mengatasi masalah ini dan janji untuk membina rumah pangsa ini telah dibuat oleh Menteri Besar tahun lalu,” katanya.